



PUAN NURHAFIZAH BINTI HAMIDON

UCAPAN KETUA PROGRAM DIPLOMA SAINS KESETIAUSAHAAN (DSK)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya saya berpeluang untuk mencoretkan sepace dua kata di dalam laman web rasmi Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) menerusi platform Jabatan Perdagangan. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih, dan tahniah kepada jawatankuasa laman web kerana telah berjaya membangunkan laman sesawang yang lebih inovatif dan interaktif dalam menyalurkan informasi kepada para pelajar dan warga PSIS.

Program Diploma Sains Kesetiausahaan (DSK) adalah salah satu program yang ditawarkan di Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Idris Shah sejak dari sesi pengambilan pelajar yang pertama pada Januari 2004. Kini pada 2018, terdapat 256 orang pelajar program yang berstatus aktif menjalani pengajian di Jabatan Perdagangan PSIS. Program DSK ini mensasarkan kepada membangunkan potensi pelajar dalam kemahiran menguruskan dan menghasilkan dokumen, surat-menyurat, laporan, kertas kerja, dan dokumen pentadbiran dan pengurusan selain berkemahiran dalam menguruskan majlis, usahawan dan berkeyakinan dalam menyampaikan ucapan (*public speaking*). Para pelajar juga dididik agar berilmu dan memahami struktur organisasi dengan baik.

Peranan setiausaha di dalam sesebuah organisasi dilihat semakin berkembang dan tidak terhad kepada kerja-kerja pengkeranian sahaja. Setiausaha pada masa kini dilihat perlu bersama-sama menyumbang idea yang bernas di dalam pembuatan keputusan. Kini, Jabatan Perdagangan menerusi program DSK menyokong usaha dan kerjasama pelajar serta para pensyarah dalam memastikan selain mendalami dan memahirkan diri di dalam bidang kesetiausahaan, kemahiran insaniah tidak dilupakan selain mendokong usaha ke arah pencapaian dalam bidang keusahawanan dan teknologi.

Akhir kata, saya ingin menyeru kepada semua warga Jabatan Perdagangan agar sentiasa bersyukur dan mengutamakan kecemerlangan akademik sebagai persediaan menghadapi dunia yang semakin mencabar masa ini. Dengan melahirkan modal insan yang berkualiti, berjiwa patriotik dan memahami tanggungjawab membina masa depan negara.

PUAN NURHAFIZAH BINTI HAMIDON

Ketua Program

Diploma Sains Kesetiausahaan

Politeknik Sultan Idris Shah